

Aqil hadiahkan UPM emas pertama lawan pedang

KUALA LUMPUR - Atlet lawan pedang negara, Muhammad Aqil Anuar menceriakan kem Universiti Putra Malaysia (UPM) pada Sukan Universiti Institut Pengajian Tinggi (SukIPT) apabila merangkul pingat emas acara Foil individu lelaki di Dewan Besar Politeknik Shah Alam semalam.

Lebih manis lagi, itu juga adalah emas pertama buat UPM dalam sukan lawan pedang sekali gus membolehkan universiti tersebut mengumpul 26 emas keseluruhan untuk berada di kedudukan kedua ketiga ini.

Menurut Muhammad Aqil, emas yang diraih itu diharap mampu menjadi pembakar semangat kontingen UPM bagi memburu lebih banyak pingat di gelanggang lawan pedang.

"Selepas ini masih ada banyak lagi cabaran buat saya dan pasukan lawan pedang pada SukIPT. Kami semua perlu lebih bersedia untuk menghadapinya."

"Ini adalah aksi pertama saya pada 2014 dan saya harap prestasi saya dapat kekal konsisten hingga dapat terpilih menyertai Sukan Asia dan Sukan Komanwel pada tahun ini," kata Muhammad Aqil.

Pada saingan Foil lelaki semalam, Muhammad Aqil meraih emas selepas menewaskan Andrew Mok



ATLET Universiti Malaysia Sabah, Laura Simon meraikan kejayaan meraih emas acara lawan pedang Epee individu wanita pada Sukan Universiti Institut Pengajian Tinggi di Politeknik Shah Alam, semalam. - UTUSAN/MOHD. AZIM ABD RAHMAN

dari Universiti Nilai dalam pertarungan akhir.

Acara Epee individu wanita pula menyaksikan atlet Universiti Malaysia Sabah (UMS), Laura Simon

dinobat sebagai juara selepas menewaskan wakil Universiti Teknologi Mara (UiTM), Anis Syaqireen Jamaludin dalam saingan akhir.

Dalam pada itu, UiTM dan Uni-



versiti Sunway cemerlang di gelanggang boling apabila masing-masing meraih dua daripada empat pingat emas yang dipertandingkan semalam.

Dua emas kontingen boling UiTM diraih menerusi acara berpasukan lelaki dan *all events*.

Universiti Sunway pula mengungguli acara berpasukan wanita dan *all events wanita*.

Sementara itu, di gelanggang menembak, Muhamad Muhly Ibrahim Shah dari Universiti Malaya (UM) memenangi pingat emas dalam acara acara air rifle lelaki dengan catatan 195.4.

Muhammad Shahril Sahak dari UPM membawa pulang pingat perak selepas mencatat 193.8 mata, manakala gangsa milik Muhamad Zubair Mohammad dari Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dengan 173.5 mata.